

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR**

DOKUMEN TENDER

Projek:

**TENDER PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN
LANGGANAN TAHUNAN LESEN DESKTOP MANAGEMENT
SOFTWARE (DMS) DAN KHIDMAT SOKONGAN BERMULA
TAHUN 2025 SEHINGGA TAHUN 2028**

NO. TENDER : T/SUKSEL/11-2025

**Kontraktor:
(Cap Kontraktor)**

HARGA DOKUMEN : RM50.00
.....
TARIKH BUKA : 26 OGOS 2025
.....
TARIKH TUTUP : 17 SEPTEMBER 2025
.....

**URUS SETIA PEROLEHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
UNIT PENTADBIRAN AM BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 18 BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN.
www.selangor.gov.my**

NO.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KANDUNGAN DOKUMEN

NO.	KANDUNGAN
1	Notis tender
2	Arahan kepada petender
3	Senarai semak dokumen tender
4	Sampul tawaran harga
5	Sampul tawaran teknikal

1. NOTIS TENDER

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

NOTIS TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada petender yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berdaftar sebagai Kontraktor Negeri Selangor melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan berpengalaman dalam melaksanakan bidang-bidang yang dicadangkan seperti berikut :

Bil.	No. Tender	Butir-Butir Kenyataan Tawaran	Kelayakan Kontraktor	Harga
1.	T/SUKSEL/11-2025	TENDER PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LANGGANAN TAHUNAN LESEN DESKTOP MANAGEMENT SOFTWARE (DMS) DAN KHIDMAT SOKONGAN BERMULA TAHUN 2025 SEHINGGA TAHUN 2028	210103 & 210104	RM50.00

1. Dokumen ini boleh diperolehi melalui laman web Sistem Tender Online Negeri Selangor (<https://tender.selangor.my>) mulai **26 Ogos 2025** hingga **17 September 2025**.
2. Tawaran hendaklah dibuat mengikut format borang yang telah ditetapkan. **Tarikh tutup** tender adalah pada **17 September 2025 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Borang tawaran yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat atau diikat kemas dan ditandai pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat dengan kod tender **T/SUKSEL/11-2025** dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat seperti berikut :

Peti Tender
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 18, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
3. Petender dimestikan mengisi borang-borang yang terdapat di dalam dokumen tender ini dan melampirkan perkara-perkara yang dinyatakan dengan sempurna. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**
4. Kerajaan Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 22 Ogos 2025


ABDUL WAHID BIN ABDUL MUTALIP
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat

2. ARAHAN PETENDER

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR SYARAT DAN ARAHAN KEPADA PETENDER

KOD TENDER : T/SUKSEL/11-2025

PERIHAL

- a. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mempelawa petender yang berkelayakan untuk menyertai **Tender Perolehan Perkhidmatan Pembaharuan Langganan Tahunan Lesen Desktop Management Software (DMS) dan Khidmat Sokongan Bermula Tahun 2025 Sehingga Tahun 2028.**

SYARAT-SYARAT BAGI PETENDER

- a. Tawaran tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang:

210103 & 210104

- b. Perolehan bekalan/perkhidmatan ini dibuat secara Tender Terbuka melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 dan pautan seperti berikut:

<https://tender.selangor.my>

- c. Berdaftar dengan Sistem Maklumat Kontraktor Negeri Selangor
- d. Petender dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berdasarkan senarai **Senarai Semak Dokumen Tender.**
- e. Petender mestilah mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan pengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja berkaitan bidang yang dicadangkan.
- f. Petender hendaklah maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambil kira keupayaan petender untuk melaksanakan projek yang di tender. Keupayaan petender akan dinilai berasaskan kepada kedudukan kewangan, pengalaman kakitangan, keupayaan peralatan dan prestasi keseluruhan.
- g. Petender yang menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah tender ditawarkan kepadanya, maka tindakan menggantung atau membatalkan pendaftaran akan diambil terhadapnya mengikut tertib berikut:

- i. Bagi kesalahan pertama, syarikat akan digantung pendaftarannya selama dua tahun;
 - ii. Bagi kesalahan kedua, syarikat akan digantung pendaftarannya selama lima tahun; dan
 - iii. Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.
- h. Syarikat-syarikat yang digantung atau dipotong pendaftaran tidak akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam mana-mana tender pembekalan oleh semua Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun seluruh Malaysia.
- i. Bagi semua penggantungan atau pemotongan pendaftaran syarikat, nama pengarah termasuk nama pemegang saham terbesar akan disenarai hitamkan oleh pihak berkuasa.

TEMPOH TENDER

Tempoh tender perolehan bekalan/perkhidmatan ini adalah 23 hari kalendar **bermula pada 26 Ogos 2025** dan **tarikh tutup tender adalah pada 17 September 2025**. Dokumen tender boleh dimuat turun melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 iaitu <https://tender.selangor.my>.

HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TENDER

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tender. Keputusan Lembaga Perolehan Negeri Selangor adalah muktamad.

CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN TENDER DAN PENYEDIAAN TENDER

- a. Petender adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-
- i. Harga, tempoh dan tandatangan petender di Lampiran G; dan
 - ii. Harga dan tandatangan petender di Lampiran 1.
- b. Semua dokumen hendaklah diisi dengan lengkap di ruangan yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, petender dibenarkan untuk menaip atau menulis maklumat berkenaan di kertas tambahan menggunakan format yang sama. Sebarang pindaan atau pembatalan di dalam dokumen hendaklah ditandatangani ringkas oleh petender berserta tarikh pindaan dibuat.
- c. Petender adalah **DIWAJIBKAN** menghantar **Dokumen Asal** seperti yang berikut:
- i. **Dokumen Tawaran Harga - (Satu (1) sampul Tawaran Harga)**

- Semua dokumen tawaran harga dijilid bersama
 - Disertakan (*softcopy*) USB *thumb drive*
- ii. **Dokumen Tawaran Teknikal - (Satu (1) sampul Tawaran Teknikal)**
- Semua dokumen Tawaran Teknikal dijilid bersama
 - Disertakan (*softcopy*) USB *thumb drive*

Kedua-dua sampul ini dimasukkan dalam satu sampul utama dengan **ditandakan pada bahagian atas sebelah kiri pada sampul utama dengan kod Tender.**

- d. Petender dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh petender adalah mengikut penentuan spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
- e. Kerajaan Negeri Selangor berhak **MENOLAK** dan **MENGGUGURKAN** mana-mana tawaran yang didapati :
- i. Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan;
 - ii. Tulisan menggunakan pensil, sukar dibaca dan difahami;
 - iii. Mengandungi maklumat yang tidak lengkap;
 - iv. Tidak mengikut atau melanggar peraturan tender (tidak mematuhi syarat-syarat membuat tender yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender) ;dan
 - v. Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan.

PENYERAHAN **DOKUMEN TENDER**

- a. Dokumen Tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** yang **dicatatkan dengan kod tender serta tajuk tender** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Tender.
- b. Jika dokumen tender tidak diserahkan dengan tangan, petender hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c. Tender yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak dipertimbangkan.
- d. Semua dokumen tawaran (**Dokumen Tawaran Harga dan Dokumen Tawaran Teknikal**) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berasingan dan dimasukkan bersama dalam satu lagi sampul utama.

- e. Petender **TIDAK DIBENARKAN** mencatat nama petender di dalam **Lampiran I-1 dan Lampiran I-2**. Bagi petender yang tidak mengikut arahan ini akan menyebabkan tawaran tender tidak layak dipertimbangkan.
- f. Dokumen Tender yang dihantar hendaklah mengikut Arahan Kepada Petender dan **ditandakan pada bahagian atas sebelah kiri pada sampul utama** dengan kod tender seperti berikut:

Kod Tender: T/SUKSEL/11-2025

- g. Tender hendaklah dibuat di atas borang yang disediakan ataupun mengikut format borang yang telah ditetapkan. Semua tawaran tender yang telah disediakan hendaklah dimasukkan terus ke dalam peti tender yang telah disediakan di alamat seperti berikut:

Peti Petender

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 18, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.**

**TEMPOH SIAP DAN
PENYEMPURNAAN
PROJEK**

- a. Projek ini **hendaklah disiapkan** dalam tempoh tidak melebihi **60 hari dari tarikh bermula kontrak**.
- b. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut :

(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak/ 365) x (bilangan hari lewat)

**BAYARAN
DOKUMEN TENDER**

Dokumen Tender ini dijual dengan harga **RM50.00**
(Ringgit Malaysia: **Lima Puluh sahaja**)

**PERBELANJAAN
PENYEDIAAN
TENDER**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan tender ini hendaklah ditanggung oleh petender sendiri.

**TEMPOH SAH
LAKU TENDER**

Tender ini sah selama 120 hari dari tarikh tender ditutup. Petender tidak boleh menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah tender. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya petender menarik balik tendernya sebelum tamat tempoh sah tender.

MAKLUMAT PETENDER

- a. Petender hendaklah mengisi **Borang Maklumat Petender** di **Lampiran H** dengan lengkap. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**
- b. Petender yang tidak mengisi maklumat dengan lengkap atau hanya menyatakan "Sila Rujuk Bahagian XX" dianggap **TIDAK** menyatakan maklumat dengan lengkap.
- c. Sekiranya tiada maklumat yang hendak diberikan, nyatakan **TIADA**.
- d. Petender dikehendaki melengkapkan **kesemua maklumat yang diperlukan** dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tawaran tender.
- e. Kenyataan yang tidak disertakan dengan dokumen sokongan seperti yang diperlukan akan **menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**

ANGGARAN KEPERLUAN

Kuantiti barangan dan tawaran harga adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran G – Borang Tender**. Bagaimanapun Kerajaan Negeri Selangor tidak akan menjamin dalam apa cara sekalipun bahawa kuantiti yang disebutkan dalam pelawaan tender ini akan dipesan kesemuanya dan petender yang berjaya pula mesti bersedia membekalkan semua pesanan sekiranya pesanan-pesanan melebihi kuantiti-kuantiti yang dianggarkan ini dengan harga dan syarat-syarat yang sama.

SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN SKOP KERJA

- a. Petender **wajib** mematuhi Jadual Pematuhan Kepada Spesifikasi Teknikal di **Lampiran I-1** dan Jadual Pematuhan Kepada Skop Kerja di **Lampiran I-2**. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.**
- b. Kerajaan Negeri Selangor **tidak tertakluk untuk mengambil kesemua atau sebahagian** daripada barangan/ peralatan yang dicadangkan petender dan Kerajaan Negeri Selangor juga tidaklah terikat untuk menerima mana-mana tawaran sekalipun. **Keputusan adalah muktamad.**

PENGESAHAN TAWARAN TENDER

Pengesahan tawaran tender di **Lampiran 1**.

KEADAAN PERKAKASAN/ PERISIAN/ BARANGAN

- a. Semua perkakasan/ perisian/ barangan yang dibekalkan hendaklah **tulen, baru dan belum digunakan** lagi dalam apa-apa jua keadaan sekalipun.
- b. Semua perkakasan/ perisian/ barangan hendaklah dibungkus dengan kaedah piawai yang sesuai melainkan jika tidak mengikut norma perdagangan yang tidak memungkinkan perkakasan/ barangan tersebut dibungkus.
- c. Apa-apa jua kerugian atau kerosakan akibat pembungkusan atau bungkusan yang tidak mencukupi atau cacat ataupun rosak hendaklah ditanggung oleh petender.
- d. Tender boleh ditawarkan bagi barang-barang yang setara sesuai dengan butiran-butiran yang diberi.
- e. Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

HARGA TAWARAN PETENDER

- a. Harga hendaklah harga bersih di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja iaitu termasuk belanja pembungkusan dan penghantaran, serta perkhidmatan selepas jualan. **Kegagalan menyatakan harga dalam Ringgit Malaysia boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.** Penilaian harga antara petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira.
- b. Harga yang ditawarkan bagi semua perkara dalam mana-mana jua bahagian tender ini hendaklah harga bersih iaitu harga yang telah ditolak diskaun atau ditambah kos-kos yang berkaitan.
- c. Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk cukai perkhidmatan, duti dan kos-kos lain seperti pengangkutan, insurans, upah tenaga buruh dan peralatan-peralatan lain yang perlu bagi tujuan perkhidmatan ini seperti yang dinyatakan dalam penentuan kerja dan senarai peralatan dan dikehendaki ditunjukkan secara berasingan.
- d. Harga-harga yang ditawarkan dalam tender ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku tender. Harga yang ditawarkan oleh petender yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

TERMA PEMBAYARAN

Semua pembayaran kepada petender akan dibayar dalam matawang Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kepada kaedah pembayaran mengikut **kontrak perjanjian** yang akan dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

TARIKH TUTUP TENDER

Tarikh dan masa tutup bagi penerimaan tender ini adalah **17 September 2025 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. **Tawaran yang diterima lewat** dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

PEMBATALAN TENDER

- a. Kerajaan Negeri Selangor berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak petender kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak petender dan pihak Kerajaan Negeri Selangor tidak akan bertanggungjawab terhadap semua perkara tersebut.
- b. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk membuat pindaan kepada Dokumen Tender, ia boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Memorandum tender kepada semua petender sebelum tarikh tutup tender. Kerajaan Negeri Selangor akan memastikan bahawa tempoh masa yang munasabah disediakan kepada petender bagi meminda tender.

SETUJU TERIMA TENDER

- a. Kerajaan Negeri Selangor berhak untuk mempersetujui tender secara kesemuanya atau sebahagian daripadanya.
- b. Kerajaan Negeri Selangor tidak terikat untuk mempersetujui tender yang terendah sekali atau mana-mana tender jua pun.
- c. Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pemakluman dan Surat Setuju Terima kepada petender yang berjaya apabila tendernya dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- d. Surat Setuju Terima ini boleh mengandungi syarat-syarat tawaran atau pengubahsuaian kepada syarat-syarat tawaran yang diberi. Walau bagaimanapun, tender berkenaan tidak boleh dianggap diterima sehinggalah persetujuan bertulis diperolehi daripada petender yang menyatakan pengubahsuaian syarat berkenaan diterima.
- e. Apabila dipersetujui, maka suatu perjanjian hendaklah disifatkan telah dibuat di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan petender dan suatu perjanjian rasmi akan diadakan selepas persetujuan tersebut. Persetujuan petender ke atas Surat Setuju Terima tersebut akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara Kerajaan Negeri Selangor

dan petender sebelum kontrak sebenar dapat disempurnakan.

BON PELAKSANAAN

- a. Petender yang berjaya akan dikenakan bon pelaksanaan untuk kontrak yang nilainya melebihi RM200,000.00 mengikut kadar yang berkuat kuasa.
- b. Tempoh sah laku jaminan Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.
- c. Bon Pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST) petender.

PERJANJIAN KETIDAKDEDAHAN (NON-DISCLOSURE AGREEMENT)

Petender yang berjaya akan diwajibkan menandatangani suatu perjanjian ketidakdedahan (*non-disclosure agreement*) mengikut ketetapan Dasar Keselamatan ICT Negeri Selangor dan MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System.

KONTRAK

- a. Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen tender atau di mana-mana jadual yang terdahulu adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan petender yang berjaya. Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak Kerajaan Negeri dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan tender.
- b. Petender yang berjaya dikehendaki menyediakan **sebanyak lima (5) buah dokumen kontrak (*hard-cover binding*)** dan menandatangani (*initial*) setiap helaian dokumen bagi kelima-lima dokumen kontrak tersebut.
- c. Tempoh kontrak dianggarkan selama empat (4) tahun iaitu termasuk tempoh pelaksanaan projek atau suatu tempoh yang dipersetujui.

TAFSIRAN

Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun mungkin timbul mengenai tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

KEPUTUSAN TENDER

Keputusan Kerajaan Negeri Selangor adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari petender. Petender yang menawarkan cadangan yang terbaik akan diberi keutamaan tinggi. **Segala keputusan Kerajaan Negeri Selangor adalah muktamad dan sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender ini tidak akan dilayan.**

PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- a. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- b. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
- c. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan petender atau petender boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.
- d. Mana-mana petender atau petender yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- a. Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.
- b. Kesemua petender yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida – Lampiran N.**

PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

Sekiranya didapati petender terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

PERTANYAAN
MENGENAI
PELAWAAN
TENDER

- a. Semua pertanyaan mengenai pelawaan tender hendaklah disalurkan kepada :

Alamat:

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Pengurusan Maklumat
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Nama Pegawai:

Puan Nurjihan bt. Zulkarnain
No. Telefon: 03-5544 7553
Emel: nurjihan@selangor.gov.my

Encik Muhamad Naim bin Osman
No. Telefon: 010-400 3098
Emel: naim@selangor.gov.my

- b. Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup tender tidak akan dilayan.

3. SENARAI SEMAK DOKUMEN TENDER

**SENARAI SEMAK DOKUMEN TENDER/ SEBUT HARGA
(BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA)
TENDER PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LANGGANAN
TAHUNAN LESEN DESKTOP MANAGEMENT SOFTWARE (DMS) DAN KHIDMAT
SOKONGAN BERMULA TAHUN 2025 SEHINGGA TAHUN 2028
NO. TENDER : T/SUKSEL/11-2025**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang telah disertakan.

BIL.	PERKARA/ DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Daripada Kementerian Kewangan (Bekalan/ Perkhidmatan) – LAMPIRAN A <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Syarikat Bumiputera daripada Kementerian Kewangan (Jika ada) (Bekalan/ Perkhidmatan) – LAMPIRAN B <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/ Perkhidmatan) – LAMPIRAN C <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – LAMPIRAN D <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – LAMPIRAN E <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB (Kerja) – LAMPIRAN F <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Borang Tender Telah diisi Dengan Lengkap Termasuk Nilai Tawaran dan Tempoh Siap dan Ditandatangani (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN G <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Borang Maklumat Penyebut Harga (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN H <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BIL.	PERKARA/ DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER
9.	Jadual Pematuhan Kepada Spesifikasi Teknikal (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) -LAMPIRAN I-1 <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Jadual Pematuhan Kepada Skop Kerja (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN I-2 <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Katalog/ Brosur (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) -LAMPIRAN J <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Cadangan Penyelenggaraan/ Penyelenggaraan (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN K <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Senarai Kakitangan Teknikal (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN L <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Yang Telah Disahkan Oleh Pihak Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (April, Mei dan Jun 2025) Tahun Semasa Yang Genap Tempoh Keseluruhan Bulan (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN M <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Surat Akuan Pembida Perlu Ditandatangani (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN N <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Surat Perwakilan Kuasa Perlu Ditandatangani (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) - LAMPIRAN O <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17.	Sijil Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) jika berkaitan - LAMPIRAN P <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18.	Arahan Perbendaharaan 170 (Bekalan/ Perkhidmatan) -LAMPIRAN Q <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BIL.	PERKARA/ DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER
19.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan dicetak daripada Tender Online Selangor (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) – LAMPIRAN R <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
20.	Resit Pembayaran Pembelian Dokumen Tender/ Sebut Harga – LAMPIRAN S <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
21.	Pengesahan Tawaran Tender - LAMPIRAN 1 <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
22.	Salinan Borang 24 dan 49 daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia – LAMPIRAN 2 <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
23.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia – LAMPIRAN 3 <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
24.	Borang Pengesahan Prestasi Kerja Yang Telah Diisikan dan Ditandatangani (jika ada) – LAMPIRAN 4 <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
25.	Surat Lantikan (<i>Authorization Letter</i>) daripada Prinsipal – LAMPIRAN 5 <i>*Sampul Tawaran Harga dan Teknikal Dalam Sampul Teknikal, nama syarikat hendaklah dipadamkan.</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
26.	Surat Jaminan Langganan (<i>Warranty Letter</i>) daripada Prinsipal – LAMPIRAN 6 <i>*Sampul Tawaran Harga dan Teknikal Dalam Sampul Teknikal, nama syarikat hendaklah dipadamkan.</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
27.	USB <i>Thumb Drive (Softcopy)</i> Dokumen Tawaran Harga – LAMPIRAN 7 <i>*Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BIL.	PERKARA/ DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA TENDER
28.	Cadangan Jadual Pelaksanaan Projek (<i>Gantt Chart</i>) – LAMPIRAN 8 <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
29.	USB <i>Thumb Drive (Softcopy)</i> Dokumen Tawaran Teknikal – LAMPIRAN 9 <i>*Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
30.	Borang Senarai Pengalaman Petender – LAMPIRAN 10 <i>* Sampul Tawaran Harga dan Sampul Tawaran Teknikal</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
31.	Carta Organisasi Syarikat – LAMPIRAN 11 <i>* Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
32.	Tiga (3) tahun (2024, 2023, 2022) penyata keuangan syarikat yang telah diaudit – LAMPIRAN 12 <i>* Sampul Tawaran Harga</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
33.	Contoh Borang Maklumat Pembekal, DKICT, NDA, Perakuan Akta Rahsia Rasmi dan SST – LAMPIRAN 14 <i>* Dokumen tidak perlu dikembalikan</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Arahan kepada pemilik projek/syarikat:

- *Potong perkara atau dokumen yang tidak berkenaan;*
- *Memasukkan arahan/ dokumen pengasingan Dokumen Tawaran Teknikal dan Tawaran Harga serta dikemukakan dalam DUA (2) SAMPUL SURAT YANG BERASINGAN DAN BERLAKRI (BEKALAN DAN PERKHIDMATAN SAHAJA).*

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua terma dan syarat yang dinyatakan di dalam dokumen tender/ sebut harga dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

5. SAMPUL TAWARAN TEKNIKAL

LAMPIRAN I-1

**JADUAL PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI
TEKNIKAL**

TENDER PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LANGGANAN TAHUNAN LESEN DESKTOP MANAGEMENT SOFTWARE (DMS) DAN KHIDMAT SOKONGAN BERMULA TAHUN 2025 SEHINGGA TAHUN 2028

KOD SEBUT HARGA: T/SUKSEL/11-2025

JADUAL PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. Ringkasan keperluan adalah seperti berikut:-
 - 1.1 Senarai keperluan :-

NO	PERKARA	JUMLAH
1.	Lesen <i>nPoints</i> TM Endpoint Management Automation (EMA) (Pembaharuan langganan tahun 2025)	741
2.	Lesen <i>nPoints</i> TM Endpoint Management Automation (EMA) (Pembaharuan langganan tahun 2026)	1,061
3.	Lesen <i>nPoints</i> TM Endpoint Management Automation (EMA) (Pembaharuan langganan tahun 2027)	1,266
4.	Lesen <i>nPoints</i> TM Endpoint Management Automation (EMA) (Pembaharuan langganan tahun 2028)	1,416

2. Keperluan spesifikasi teknikal adalah seperti jadual di bawah. Sila jawab dan nyatakan cadangan yang ditawarkan dengan **lengkap** di ruangan "Tawaran Diisi Oleh Petender". Tidak dibenarkan menulis "comply" tanpa diikuti dengan cadangan petender. Petender **hendaklah memenuhi spesifikasi minimum** keperluan tender. Cadangan boleh ditolak sekiranya arahan ini tidak dipatuhi.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)**

LAMPIRAN I-1

3. Spesifikasi teknikal bagi bekalan yang diperlukan ialah:

BIL.	KEPERLUAN TENDER		DIISI OLEH PETENDER	
	PERISIAN/ PERKHIDMATAN	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN SPESIFIKASI
1.	Jenama	<p>Lesen sedia ada di Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) ialah nPoints™ Endpoint Management Automation (EMA). Sila berhubung dengan Prinsipal seperti berikut: Worldtech Solutions Sdn. Bhd. 52-1, Jalan PJU 5/21, The Strand, Kota Damansara, 47180 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia Tel : 03-6142 3598 Emel : contact@worldtech.com.my</p>		
2.	Versi	<p>Petender hendaklah memastikan versi yang dibekalkan adalah yang terkini dan sekiranya terdapat perubahan versi semasa dalam tempoh kontrak, petender hendaklah menaiktaraf versi sedia ada kepada yang terkini tanpa sebarang kos dikenakan kepada Kerajaan Negeri Selangor.</p>		
3.	Kuantiti	741 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2025)		
		1,061 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2026)		
		1,266 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2027)		
		1,416 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2028)		

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
 BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

LAMPIRAN I-1

BIL.	PERISIAN/ PERKHIDMATAN	KEPERLUAN TENDER		DIISI OLEH PETENDER	
		SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN SPESIFIKASI	
4.	Server	<p>a. Dua (2) unit server (VM) disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dengan keperluan spesifikasi teknikal seperti berikut.</p> <p>Server Aplikasi OS : Windows Sever 2016 Standard ataupun terkini RAM : 12GB Storage : 300GB</p> <p>Server Database OS : Windows Sever 2012 R2 Standard ataupun terkini RAM : 16GB Storage : 300GB Database : Microsoft SQL Server 2014</p> <p>b. Penyebut harga hendaklah memastikan perisian yang akan dibekalkan ini ditempatkan dalam server sedia ada di BPM.</p> <p>c. Penyebut harga hendaklah memastikan lesen perisian ini menggunakan <i>console</i> di server sedia ada di BPM.</p>			

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
 BAGHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

LAMPIRAN I-1

KEPERLUAN TENDER		DIISI OLEH PETENDER	
BIL.	PERISIAN/ PERKHIDMATAN	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN (Y/T)
5.	Sistem Operasi Yang Diskong	<p>Agen yang akan dipasang (<i>install</i>) pada PC dan komputer riba berkemampuan menyokong dan berfungsi pada sistem operasi yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Windows 7 Pro 32 bit & 64 bit b. Windows 10 Pro 64 bit c. Windows 11 Pro 64 bit 	CADANGAN SPESIFIKASI
6.	Network Connectivity	Agen yang disediakan oleh pembekal mestilah menyokong sambungan secara <i>on premise</i> , <i>Public IP Address</i> dan Cloud (Internet)	
7.	Features	<ul style="list-style-type: none"> a. Hardware, Software, Network Inventory b. Application and Internet Metering c. Software Distribution d. Software and Web Restriction e. Data Acquisition f. Data Analytic, Data Visualization g. Policy Enforcement h. Install, configure nPoints servers i. nPoints™ EMA new advanced modules; <ul style="list-style-type: none"> - Advance Remote Control (Support user anywhere) - Geo Location (Tracking Missing Asset) - Lock/Unlock Device (Data Protection) - Message Broadcasting (Emergency Alert) 	

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
 BAGHIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

LAMPIRAN I-1

BIL.	KEPERLUAN TENDER		DIISI OLEH PETENDER	
	PERISIAN/ PERKHIDMATAN	SPEKIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN (Y/T)	CADANGAN SPESIFIKASI
8.	Ciri-Ciri Ajen	Ajen yang akan dipasang mampu dilakukan secara <i>on site installation, remote push dan landing page.</i>		
9.	Surat Jaminan Langganan	Petender hendaklah menyediakan Surat Jaminan Langganan asal yang menyatakan <i>license key</i> , nama perisian, tempoh mula dan tamat langganan serta jenis sokongan.		

LAMPIRAN I-2

JADUAL PEMATUHAN KEPADA SKOP KERJA

TENDER PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LANGGANAN TAHUNAN LESEN DESKTOP MANAGEMENT SOFTWARE (DMS) DAN KHIDMAT SOKONGAN BERMULA TAHUN 2025 SEHINGGA TAHUN 2028

KOD TENDER: T/SUKSEL/11-2025

JADUAL PEMATUHAN KEPADA SKOP KERJA

Keperluan skop kerja adalah seperti jadual di bawah. Sila jawab dan nyatakan cadangan yang ditawarkan dengan lengkap di ruangan "Cadangan Diisi oleh Petender". Tidak dibenarkan menulis "comply" tanpa diikuti dengan cadangan petender. Cadangan boleh ditolak sekiranya arahan ini tidak dipatuhi.

BIL.	KEPERLUAN TENDER		TAWARAN DIISI OLEH PETENDER	
	SKOP KERJA	KEPERLUAN MINIMUM (MANDATORI-M)	PATUH (YA/TIDAK)	CADANGAN KEPERLUAN
SKOP PERKHIDMATAN				
1.	Petender hendaklah melaksanakan pembaharuan langganan lesen dan sokongan (<i>Subscription</i>) perisian nPoints™ Endpoint Management Automation (EMA) sebanyak: a. 741 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2025) b. 1,061 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2026) c. 1,266 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2027) d. 1,416 unit lesen (Pembaharuan langganan tahun 2028)	M		
2.	Petender hendaklah melaksanakan <i>Preventive Maintenance (PM)</i> secara berkala kepada lesen yang dipasang, console dan database	M		
3.	Petender hendaklah melaksanakan Penyelenggaraan Pembaikan (<i>Corrective Maintenance</i>) sekiranya terdapat ralat/isu pada perisian/console/database	M		

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

LAMPIRAN I-2

KEPERLUAN TENDER		TAWARAN DIISI OLEH PETENDER		
BIL.	SKOP KERJA	KEPERLUAN MINIMUM (MANDATORI-M)	PATUH (YA/TIDAK)	CADANGAN KEPERLUAN
